

Qalam

Bilangan 88 Rabi'ul Akhir 1377 November 1957 70 sen

Kongres Kebudayaan

Kongres Kebudayaan telah ditangguhkan sehingga pada pertengahan tahun hadapan di Melaka. Di dalam kongres ini akan dibahas masalah-masalah yang mengenai kebudayaan Melayu seluruhnya. Yang menganjur kongres kebudayaan ini terlingkung dari pencinta-pencinta kebudayaan yang terdiri semuanya daripada orang-orang Melayu yang beragama Islam.

Melihat kepada orang-orang yang mengadakannya itu semuanya daripada orang-orang Islam dan apabila dikaitkan kepada pemasyhuran agama rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu agama Islam maka besarlah harapan bahawa peserta-peserta kongres itu semestinya memperhatikan bahawa sebagai umat Islam adalah mereka bertanggungjawab dan berkewajipan menjaga dan mengalirkan kebudayaan-kebudayaan bagi umat Melayu itu yang tidak bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam.

Mereka seharusnya mengadakan penyiasatan tentang kebudayaan-kebudayaan yang berlawanan dengan ajaran Islam – membuang mana-mana yang melanggar pengajaran-pengajaran Islam serta menghidupkan roh keislaman di dalam kebudayaan kita pada masa yang akan datang.

Inilah harapan kita. Harapan kita ini kita kemukakan kerana melihat kepada keadaan-keadaan yang berlaku, atau yang telah berjalan adalah ternyata bahawa tatkala mempertunjukkan kebudayaan Melayu sama ada di dalam seni tari, seni kata

dan seumpamanya zahir kepada kita bahawa ditakuti kita telah meniru galakan-galakan kebudayaan dan keseniaan yang dianjurkan oleh Parti-parti Kebangsaan dan Indonesia yang mengalirkan untuk menghidupkan kebudayaan-kebudayaan Hindu lama.

Bagi umat Islam, tentunya mengetahui bahawa di dalam kebudayaan-kebudayaan kita di Semenanjung ini banyak telah hidup kebudayaan-kebudayaan yang berasal daripada Hindu yang telah dijadikan adat, yang setengah-setengahnya telah menimbulkan perkara-perkara yang melanggar hukum-hukum Islam bahkan ada di antaranya membuat pekerjaan-pekerjaan yang boleh dipandang syirik, dengan orang kita, kerana kecuaiannya, tidak mengetahui hal-hal yang menimbulkan syirik itu.

Tidak dapat dinafikan bahawa banyak pula di antara orang-orang kita, penggemar kesenian dan kebudayaan, mengakui menjadi kebudayaannya yang berasal dari Portugis, seperti joget, dan di Indonesia serampang dua belas. Mereka harus memandang juga, perkara-perkara istiadat menjunjung jari yang sepuluh ke atas kemuncak kepala sebagai suatu kebudayaan pada hal Islam tidak mengajar begitu. Menjunjung jari ke sepuluh ke atas dahi itu tidak dilakukan oleh Islam tetapi dilakukan oleh orang-orang Hindu sebagai cara salamnya atau cara persembahannya.

Tetapi di sebalik itu mereka, sebahagiannya, ada pula yang mensifatkan sesuatu yang berasal dari negeri-negeri Islam yang telah diperadatkan dan dibiasakan di kampung-kampung itu tidak termasuk dalam kebudayaan Melayu.

Mengapa? Kerana ia berasal dari negara-negara Islam yang lain tetapi sebaliknya memandang yang berasal dari Portugis dan dari Hindu itu menjadi kebudayaannya

Perkara-perkara yang di atas ini kita kemukakan di sini sebagai suatu perkara yang dijadikan misal untuk dijadikan perhatian bersama kerana walau


bagaimanapun kita yakin bahawa peminat-peminat kebudayaan Melayu yang menjadi tulang punggung Kongres kebudayaan itu terdiri daripada orang-orang Islam yang tahu kewajipannya dan tanggungjawabnya kepada agamanya, kita yakin mereka sedia berkorban untuk kemuliaan agamanya lebih daripada kecintaan kepada yang lainnya,

Kerana itu kita menganjurkan supaya peserta-peserta Kongres kebudayaan itu mengadakan penyiasatan yang luas tentang adat istiadat yang menjadi kebudayaan Melayu dengan mengadakan penapisan-penapisan yang suci yang tidak melanggar pengajaran dan hukum Islam. Umpamanya cara permulaan dalam pertunjukkan silat atau gayung tidaklah menyusun jari yang sepuluh seperti yang dilakukan oleh orang Hindu tetapi buatlah dengan cara kehormatan yang telah diadatkan oleh Islam.

Juga mestilah kita mengawal seni-seni kata di dalam nyanyian sama ada gubahan baharu atau lama yang tidak disedari telah membawa kepada syirik, kerana tiap-tiap perbuatan, perkataan dan amalan yang dilakukan, sama ada disedari atau tidak yang melanggar hukum agama itu pada syarak haram hukumnya.

Sebab itu penyelidikan dalam perkara ini sangat benar dihajat untuk mengalusi perkara-perkara kebudayaan kita. Yang mana berlawanan dengan hukum-hukum Islam, sama ada tentang pergaulannya atau perkara-perkara lainnya yang menimbulkan syirik terutamanya supaya dipinda, jika boleh, ataupun dibuang sama sekali.

Mudah-mudahan teguran kita ini diperhatikan oleh pencinta-pencinta kebudayaan kita terutamanya kepada mereka yang ada perasaan bertanggungjawab kepada agamanya.



Murid-murid perempuan dari Madrasah Persetiaan Kemajuan Islam Lorong Engku Aman Singapura, sedang berbaris hendak menaiki kenderaan yang telah membawa mereka ke rumah Jam 'iyah pada hari perayaan Maulid.